



fokus

Sambutan Maal Hijrah 1424 Peringkat KUKUM



Pengurniaan Tokoh Maal Hijrah 1424 Hijrah peringkat KUKUM telah dianugerahkan kepada Yang Berbahagia Rektor, Profesor Dr. Kamarudin Hussin



Bersempena Hari Maal Hijrah pada 3 Mac 2003/1424 Hijrah, KUKUM telah mengadakan Majlis Sambutan Maal Hijrah pada 6 Mac yang lalu. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Pok & Kassim, Kubang Gajah, dan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Kamarudin Hussin. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh bekas qari negeri Perlis, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berbahagia Rektor. Dalam ucapannya, beliau mengajak semua warga KUKUM untuk bersatu padu dalam membangunkan universiti ini. Beliau juga menyarankan supaya kakitangan KUKUM bekerja dengan penuh ikhlas di samping saling hormat-menghormati antara satu sama lain untuk mewujudkan satu budaya kerja yang gemilang bagi menaikkan nama KUKUM di mata masyarakat Malaysia amnya dan Perlis khususnya.

Sambutan Maal Hijrah 1424 diteruskan lagi dengan persembahan nasyid oleh kumpulan pelajar KUKUM. Acara kemuncak sambutan ini merupakan penganugerahan penghargaan sempena Maal Hijrah peringkat KUKUM di mana beberapa kategori anugerah telah diwujudkan. Anugerah Khas Maal Hijrah kakitangan akademik telah dikalungkan kepada Ustaz Hassan Arshad manakala Ahmad Fahmi pula dianugerahi Anugerah Khas Maal Hijrah bagi kakitangan sokongan. Anugerah Khas Maal Hijrah untuk pelajar diberikan kepada Siti Salwa Mat Isa dan Mohd Mahyiddin Ramli. Pengurniaan Tokoh Maal Hijrah 1424 Hijrah peringkat KUKUM telah dianugerahkan kepada Yang Berbahagia Rektor, Profesor Dr. Kamarudin Hussin. Semoga beliau dicontohi oleh seluruh warga KUKUM.

